

Senarai dokumen yang perlu dihantarkan kepada kami (Bagi orang Islam yang telah meninggal dunia)

Arahan menggunakan senarai ini

1. Ini hanyalah satu senarai umum. Pegawai kes anda mungkin menghubungi anda untuk dokumen sokongan yang lain.
2. Jika orang yang meninggal dunia telah bermastautin di Singapura, anda boleh memohon Sijil Warisan di www.syariahcourt.gov.sg. Sijil Warisan yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah akan menyenaraikan nama waris dan bahagian mereka daripada pewarisan.

Mengagihkan wang CPF dan wang harta pusaka orang yang sudah meninggal dunia (si mati) yang tidak membuat penamaan waris

Sila hantarkan salinan dokumen-dokumen berikut bersama borang permohonan dalam talian anda melalui perkhidmatan elektronik kami di <https://eservices.mlaw.gov.sg/PTO/welcome.xhtml>.

Jadual 1 – Dokumen-dokumen yang kami perlukan

- 1) Sijil kematian dan Sijil kelahiran si Mati
- 2) Sijil kematian (jika ada ibu bapa yang telah meninggal dunia)
- 3) Kad pengenalan, passport, kad keselamatan sosial (untuk warga AS), kad pilihan raya (untuk warga India) semua waris termasuk orang yang menghantar borang permohonan dalam talian kepada kami
- 4) Oleh kerana bayaran akan dibuat secara elektronik, satu salinan halaman depan buku simpanan bank atau penyata bank mesti disediakan.
(Nota: Untuk permintaan pembayaran melalui akaun bersama atau akaun bank pihak ketiga, kedua-dua benefisiari dan pemegang akaun mestilah melaksanakan borang tanggung rugi (Borang 15) yang boleh didapati di laman web kami <https://pto.mlaw.gov.sg/deceased-cpf-estate-monies/forms/>.)
- 5) Sijil Warisan (jika si Mati telah bermastautin di Singapura)
- 6) Perisytiharan atau testimoni daripada pihak berkuasa yang berkenaan memberikan butir-butir tentang waris sah orang yang meninggal dunia (jika mereka tidak bermastautin di Singapura)

Jadual 2 – Dokumen-dokumen yang kami perlukan jika orang yang meninggal dunia pernah berkahwin sebelum ini

- 1) Sijil Perceraian (jika orang yang meninggal dunia telah bercerai sebelum ini)
- 2) Sijil kematian suami atau isteri (jika orang yang meninggal dunia adalah seorang balu atau duda)

Jadual 3 – Dokumen-dokumen tambahan		
	Hubungan dengan orang yang meninggal dunia	Dokumen-dokumen yang perlu anda sediakan
1	Suami atau isteri	a) Sijil perkahwinan dengan orang yang meninggal dunia (si mati)
2	Anak	a) Sijil perkahwinan si mati b) Sijil kelahiran anak
3	Ibu/Bapa	a) Sijil kelahiran si mati b) Sijil perkahwinan ibu bapa c) Sijil kematian (jika ada ibu bapa yang telah meninggal dunia)
4	Adik beradik	a) Sijil kelahiran orang yang telah meninggal dunia (si mati) b) Sijil perkahwinan ibu bapa c) Sijil kelahiran adik beradik d) Sijil kematian mana-mana ibu bapa yang telah meninggal dunia
5	Datuk/Nenek	a) Sijil kelahiran orang yang telah meninggal dunia (si mati) b) Sijil perkahwinan ibu bapa si mati c) Sijil kelahiran ibu/bapa yang telah meninggal dunia (ibu atau bapa yang merupakan anak kepada datuk dan nenek) d) Sijil perkahwinan datuk dan nenek e) Sijil kematian ibu atau bapa si mati f) Sijil kematian datuk atau nenek yang telah meninggal dunia
6	Anak saudara perempuan atau anak saudara lelaki	a) Sijil kelahiran si mati b) Sijil perkahwinan ibu bapa si mati c) Sijil kematian ibu atau bapa si mati (jika ibu atau bapa telah meninggal dunia) d) Sijil kelahiran ibu/bapa anak saudara perempuan atau anak saudara lelaki (ibu/bapa yang mempunyai pertalian darah dengan si mati) e) Sijil perkahwinan ibu bapa kepada anak saudara perempuan atau anak saudara lelaki f) Sijil kematian ibu atau bapa kepada anak saudara perempuan atau anak saudara lelaki (jika ibu/bapa mereka telah meninggal dunia) g) Sijil kelahiran anak saudara perempuan atau anak saudara lelaki
7	Bapa saudara atau ibu saudara	a) Sijil kelahiran si mati b) Sijil perkahwinan ibu bapa si mati c) Sijil kematian ibu atau bapa si mati (jika ibu atau bapa telah meninggal dunia) d) Sijil kelahiran ibu atau bapa si mati (ibu atau bapa yang mempunyai pertalian darah dengan bapa saudara atau ibu saudara) e) Sijil perkahwinan datuk dan nenek si mati f) Sijil kematian datuk atau nenek yang telah meninggal dunia g) Sijil kelahiran bapa saudara atau ibu saudara si mati